

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN HAJAH NORMALA BINTI ABDUL  
SAMAD [ PASIR GUDANG ]**

**SOALAN**

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [ Pasir Gudang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan setelah berjaya dalam program Bantuan Tayar 1Malaysia kepada pemilik-pemilik teksi di Malaysia, adakah pihak SPAD bercadang untuk meneruskan bantuan tayar ini kepada pemilik-pemilik bas sekolah yang majoritinya berpendapatan sederhana dan tidak mampu untuk menukarkan tayar bas secara keseluruhannya.

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program Bantuan Tayar 1Malaysia kepada pemandu teksi adalah bertujuan untuk meringankan beban kos yang ditanggung oleh pemandu teksi. Program ini dilaksanakan selaras dengan program Transformasi Industri Teksi yang telah dilancarkan.

2. Buat masa ini, tiada perancangan untuk memanjangkan program ini kepada pengusaha bas sekolah. Namun pada masa yang sama, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi membantu pengusaha bas sekolah untuk terus beroperasi dengan baik.

3. Antara program yang dinikmati oleh pengusaha bas sekolah ialah:

- (a) Skim Penggantian Bas Sekolah Baharu;
- (b) Skim Insuran Bas Sekolah;
- (c) Program Pengiklanan Bas Sekolah;
- (d) Pemberian Lesen Perubahan Sementara (LPS); dan
- (e) Deregulasi tambang bas sekolah.

Sekian, terima kasih.